



KENYATAAN MEDIA

MRT CORP MENGANUGERAHKAN KONTRAK JEJAMBAT PERTAMA UNTUK LALUAN SSP

Kuala Lumpur, 25 March 2016: Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) ingin mengumumkan penganugerahan pakej kerja pembinaan jejambat yang pertama bagi Laluan MRT Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP).

Pakej Kerja V202 bagi pembinaan dan penyiapan jejambat dan kerja-kerja lain yang berkaitan untuk sebahagian daripada jajaran bertingkat Laluan SSP sepanjang 4.5 kilometer dari Persiaran Dagang ke Jinjang, Kuala Lumpur, telah dianugerahkan kepada Ahmad Zaki Sdn Bhd.

Nilai kontrak untuk pakej kerja adalah RM1.44 bilion.

Penganugerahan ini telah dilaksanakan berikutan mesyuarat Jawatankuasa Perolehan Sehenti (*One Stop Procurement Committee*) yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak.

Pada masa ini, Ahmad Zaki adalah kontraktor pakej kerja untuk Laluan MRT Sungai Buloh-Kajang (SBK) bagi Pakej Kerja V6. Berdasarkan penglibatan tersebut, syarikat ini telah pra-layak untuk memasukkan tender bagi pakej-pakej kerja pembinaan jejambat untuk Laluan SSP.

Pakej Kerja V202 adalah dikhaskan untuk kontraktor Bumiputera.

Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp Dato' Sri Shahril Mokhtar berkata ini adalah saat bersejarah bagi MRT Corp kerana pakej kerja utama yang pertama untuk Laluan SSP telah berjaya dianugerahkan.

"Dengan anugerah ini, kerja pembinaan Laluan SSP boleh diteruskan," katanya.

Menurut Shahril, penganugerahan ini juga sangat penting kerana pakej kerja yang pertama bagi Projek ini telah dianugerahkan kepada sebuah syarikat Bumiputera.

"Sasaran penyertaan Bumiputera yang ditetapkan oleh kerajaan telah meningkat kepada 45% daripada jumlah nilai semua pakej kerja bagi Laluan SSP, dari 43% bagi Laluan SBK. Saya percaya Projek ini telah bermula dengan tapak yang baik dengan menganugerahkan terlebih dahulu kepada kontraktor Bumiputera,"katanya.



Ujar beliau, sehingga kini, kontrak-kontrak yang diberikan kepada kontraktor Bumiputera bagi Laluan SBK adalah pada 50%, mengatasi sasaran 43% yang ditetapkan oleh kerajaan.

Menghuraikan proses penilaian, Shahril berkata tender yang berjaya ditentukan mengikut dasar penilaian tender terbaik (*best evaluated tender*), di mana tender dinilai berdasarkan aspek-aspek teknikal serta komersial. Justeru, tender yang berjaya tidak semestinya tender dengan harga terendah.

"Walau bagaimanapun, dalam kes ini, tender yang berjaya telah mencapai penilaian tertinggi di kedua-dua aspek, iaitu penilaian teknikal yang terbaik dan harga yang paling rendah antara tiga tender yang diterima," katanya.

MRT Corp akan mengeluarkan Surat Award (*Letter of Award*) kepada kontraktor yang berjaya dalam masa terdekat.

Panjang Laluan SSP adalah 52.2km, di mana 13.5km adalah bawah tanah. Ia akan mempunyai 37 stesen, 11 daripadanya stesen keretapi bawah tanah.

Secara keseluruhan terdapat 66 pakej kerja yang ditender untuk pembinaan laluan SSP. Ini termasuk 10 pakej kerja jejambat, satu pakej kerja bawah tanah, dua pakej kerja depoh, 10 pakej kerja stesen dan 15 pakej kerja medan letak kereta bertingkat.

Lain-lain tawaran adalah bagi kerja-kerja awal, saling-hubungan (*connectivity*), sistem, pembekal-pembekal yang ditetapkan dan kontraktor ditetapkan.

-tamat/ -

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Mr Leong Shen-li

012-3196602/leong.shen-li@mymrt.com.my

MRT Corp

Cik Amalina Ghazali

016-2154055 / amalina.ghazali@mymrt.com.my

MRT Corp